

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN
ISMAIL [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah keutamaan R&D, bidang keutamaan eksport dan bidang pemfailan paten negara pada masa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu atas soalan ini.

KEUTAMAAN R&D

Untuk makluman Yang Berhormat,

Keutamaan projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dibiayai MOSTI adalah kepada **pembangunan eksperimental**, kerana ia lebih praktikal, spesifik dan dapat menjana pulangan ekonomi dalam jangka masa pendek.

Oleh yang demikian, MOSTI telah **menyusun semula** skim pembiayaan Dana R&D di bawah Kementerian ini mulai RMKe12. Bermula tahun ini juga, MOSTI telah mula melaksanakan pendekatan baharu dengan menyediakan pembiayaan atau menyalurkan dana kepada projek R&D

berdasarkan Rangka Kerja Malaysia Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (MySTIE) 10-10.

Antara kategori dana yang ditawarkan adalah seperti berikut:

1. *Applied Innovation Fund (AIF)*;
2. *Technology Development Fund 1 (TeD 1)*;
3. *Technology Development Fund 2 (TeD 2)*;
4. *Bridging Fund (BGF)*;
5. *Strategic Research Fund (SRF)*; dan
6. *MOSTI Combating COVID-19 Fund*.

Untuk makluman juga, penyaluran dana ini telah diperluas akan skop penerimanya kepada syarikat *startup*, politeknik dan kolej komuniti, *multinational companies* (MNC) dan juga *large companies*.

Keutamaan pembiayaan dana tersebut juga, akan memberi fokus kepada projek R&D yang berkaitan dengan teknologi asas Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan transformasi digital.

Selain itu, tumpuan juga ditingkatkan terhadap pembangunan infrastruktur digital dan teknologi disruptif yang menjadi nadi utama bagi kelangsungan ekosistem *startup*, pembiayaan dan pembangunan bakat.

BIDANG KEUTAMAAN EKSPORT

Seterusnya bagi menjawab persoalan mengenai bidang keutamaan eksport negara, pada 25 Oktober 2021, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Rangka Tindakan Perdagangan Nasional atau *National Trade Blueprint* bagi tahun 2021 hingga 2025.

Rangka Tindakan ini bertujuan untuk mengenal pasti sektor-sektor utama eksport barang dagangan, berdasarkan analisis kapasiti eksport dan permintaan dunia, yang meliputi enam (6) produk, iaitu:

1. Elektrik & Elektronik;
2. Optik dan peralatan saintifik;
3. Produk petroleum;

4. Produk kimia dan bahan kimia;
5. Peralatan pengangkutan; serta
6. Mesin dan peralatan.

Sebagai contoh, produk Elektrik dan Elektronik atau E&E merupakan penyumbang terbesar eksport negara pada tahun 2020, dengan jumlah nilai eksport adalah 386.29 bilion ringgit atau 39.3 peratus daripada keseluruhan eksport negara. Ini merangkumi produk eksport E&E seperti semikonduktor, litar bersepadu elektronik, peralatan telekomunikasi serta mesin pemrosesan data automatik dan alatan.

BIDANG PEMFAILAN PATEN NEGARA

Seterusnya, bagi menjelaskan mengenai bidang pemfailan paten, data yang diterima daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) menunjukkan, terdapat lima (5) bidang teknologi yang menerima permohonan tertinggi untuk difailkan paten sejak tahun 2016 hingga 2020, iaitu:

1. Bioteknologi;
2. Farmaseutikal;
3. Kimia Organik Halus (*Organic fine chemistry*)
4. Teknologi Komputer; dan
5. Kimia Bahan Asas (*Basic materials chemistry*)

Sekian, Terima Kasih.